

22 DISEMBER 2017

Rumah jadi sarang dadah

SINAR HARIAN • JUMAAT 22 DISEMBER 2017

HUBUNGI SQUAD SENTRAL: NUR FARHANA ABDUL MANAN - 019-6680275, NORAFIZA JAAFAR - 019-6680258, HIDAYAH HAIRON - 019-6680261

SENTRAL

Rumah jadi sarang dadah

DBKL bertindak rampas tujuh unit perumahan awam, usir penyewa bermasalah

HIDAYAH HAIRON

KUALA LUMPUR - Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) merampas tujuh unit perumahan awam (PA) yang dikenal pasti berlaku salah guna melibatkan kegiatan dadah.

Tindakan itu dibuat menerusi operasi dijalankan bersama Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) di dua PA di Sentul masing-masing PA Seri Perak dan PA Seri Kelantan.

Jurucakap operasi berkata, hasil serbuan mendapat unit berkenaan menjadi sarang penagih dadah serta pengedaran di kawasan itu.

Katanya, serbuan turut dibuat di satu unit PA yang didiami tujuh sekeluarga termasuk wanita warga

emas yang turut menjadi penagih.

"Unit berkenaan adalah hak DBKL kerana penyewa asal telah meninggal dunia namun telah diceroboh oleh cucu penyewa berkenaan.

"Isteri penyewa asal serta enam orang anaknya juga penagih dadah telah ditahan dalam operasi sebelum ini. DBKL bertindak mengusir penghuni terlibat dan membuat baik pulih unit untuk ditawarkan kepada orang lain," katanya kepada Sinar Harian.

Dua daripada unit yang dikenal pasti terlibat juga menerima notis pengosongan tujuh hari.

Dalam operasi sama, AADK turut membuat satu tangkapan kes penagihan dadah.

Operasi sama akan di-



Seorang penghuni warga emas yang disyaki terlibat dengan penagihan dadah.

teruskan bagi memastikan unit-unit kediaman tidak disalah guna dan peng-

huni mengikut undang-undang penyewaan yang ditetapkan.

HEBAHKAN
AKTIVITI KOMUNITI ANDA!
mohd.haniff@sinarharian.com.my